



27 Jan 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: Daripada M Thillinadan • Section: Bisnes • Page: 19 • Printed size: 464.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 15,994.48  
PR Value: MYR 47,983.44 • Item ID: MY0031598653

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Peluang cerah syarikat tempatan bida projek India

➔ New Delhi beri jaminan terus pertimbang firma Malaysia bina lebuh raya

**Daripada M Thillinadan di New Delhi**  
thilly@bh.com.my

India memberi jaminan akan terus mempertimbangkan syarikat Malaysia untuk membina lebih banyak lebuh raya di negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkan perkara itu berkata, jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri India, Narendra Modi, susulan penganugerahan projek pembinaan sebuah lebuh raya baharu bernilai AS\$350 juta (RM1.4 bilion) di negara itu kepada IJM Corporation Bhd.

"Terkini, IJM dianugerahkan projek AS\$350 juta. Ini perkembangan menggalakkan," katanya pada sidang media di sini, sema-

lam. Yang hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kesihatan yang juga Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam.

## Tetapkan syarat

Perdana Menteri berkata, beliau juga memaklumkan kerajaan secara serius sedang mengkaji untuk menganugerahkan projek pembinaan laluan kereta api menghubungkan Seremban-Pelabuhan Klang kepada syarikat India, IRCON.

"Bagaimanapun, kita tetapkan syarat, iaitu tawaran itu boleh diterima kedua-dua pihak. Rundingan susulan akan dilakukan," katanya.

Najib juga berkata, beliau turut membuat permohonan kepada kerajaan India untuk menam-

bah jumlah tempat duduk dalam pesawat bagi syarikat penerbangan Malaysia dan Modi membayangkan bandar kecil sebagai destinasi.

"Sejak lawatan terakhir saya ke India, April tahun lalu, Kerajaan India telah meluluskan 1,861 tempat duduk tambahan kepada Malaysia dan hampir 99 peratus daripada tempat duduk tambahan itu sudah digunakan. Jadi saya minta tambahan," katanya.

Dalam pertemuan dengan Modi, Perdana Menteri juga meminta Kerajaan India memberi kelulusan kepada kumpulan perbankan terbesar negara, Maybank untuk membuat cawangannya terus di republik itu.

Ketika ini, Maybank menggunakan anak syarikatnya di Indonesia, Maybank Indonesia untuk membuka cawangan di India.

